

# PRUDENTIAL BSN

## TAKAFUL

### **PruBSN AnugerahMax**

**Disediakan Khas untuk:**

CONTOH

*Contoh PDS ini berdasarkan seorang lelaki sihat berusia 30 tahun (umur hari lahir akan datang) dan tidak merokok dengan Pelan 200 dan Pilihan Bayaran Bersama SmartSaver300. Bagi sebut harga yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan anda, sila rujuk ejen anda untuk nasihat peribadi dan rujuk PDS dan ilustrasi produk sebenar anda.*

**Disediakan oleh:** PruBSN Takaful Berhad

Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") adalah pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM)

**Manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (lawati [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).**

## Medic TotalCare

## LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK

Lampiran Keterangan Produk ini menyediakan beberapa maklumat penting yang perlu anda pertimbangkan sebelum anda menyertai pelan perubatan yang paling sesuai dengan keperluan anda. Anda harus membaca dokumen sijil anda dengan teliti untuk butiran penuh mengenai perlindungan anda.

KETAHUI LEBIH  
LANJUT:  
Lampiran MTC & MBC



## Langkah 1 Adakah pelan perubatan ini sesuai untuk anda?

- **Medic TotalCare (MTC)** dengan Sumbangan Rata adalah rider yang memberi perlindungan perubatan komprehensif bagi perbelanjaan hospital dan pembedahan yang ditanggung akibat kemalangan atau penyakit yang dilindungi di bawah sijil sehingga umur 70 tahun pada hari jadi yang akan datang<sup>1</sup>. Ia juga merangkumi manfaat lain seperti perlindungan kanser yang meluas, rawatan perubatan teknologi maju, penjagaan kesihatan mental dan rawatan pesakit luar yang meluas.
- Sumbangan takaful anda akan diperuntukkan ke dalam Akaun Khas Individu (ISA), selepas ditolak dengan Caj *Wakalah* Pendahuluan yang berkenaan. Penolakan *Tabarru'* akan ditolak setiap bulan dari ISA anda dan akan dikumpulkan ke dalam dana *Tabarru'* bersama penolakan *Tabarru'* peserta takaful lain untuk membayar tuntutan. Jika jumlah tuntutan yang dibayar dari dana *Tabarru'* adalah tinggi, sumbangan takaful dan penolakan *Tabarru'* untuk semua peserta takaful dalam dana *Tabarru'* yang sama mungkin akan meningkat, termasuk sumbangan takaful dan penolakan *Tabarru'* anda **walaupun anda tidak membuat tuntutan**.
- Sumbangan dan penolakan *Tabarru'* pelan perubatan ini adalah **tidak dijamin**, bermakna kami mungkin akan meningkatkan sumbangan dan/atau penolakan *Tabarru'* yang kami kenakan pada masa hadapan. Kadar-kadar ini dipengaruhi secara langsung oleh pengalaman tuntutan kami bagi pelan ini, termasuk inflasi perubatan. Oleh itu, peningkatan yang lebih kerap dalam sumbangan dan penolakan *Tabarru'* mungkin berlaku pada masa hadapan.

<sup>1</sup>Tertakluk kepada *Pelanjutan Tempoh Sijil*, jika berkenaan dengan sijil anda.

## Langkah 2 Adakah ia memenuhi keperluan anda?

## Apakah yang dilindungi?

- Bilik & Penginapan Hospital Harian :Pelan 200
  - Perbelanjaan rawatan hospital & pembedahan :Seperti yang Dicaj
- Manfaat yang perlu dibayar adalah secara tanpa tunai\* dan tertakluk:
- Pilihan Bayaran Bersama :SmartSaver300
  - Had Tahunan :RM200,000
  - Had Seumur Hidup :Tiada Had Seumur Hidup

## Apakah yang tidak dilindungi?

- Keadaan perubatan yang anda alami, atau ada gejala, sebelum menyertai pelan ini (keadaan sedia ada)
- Penyakit spesifik dalam tempoh 120 hari pertama perlindungan (contohnya hipertensi, diabetes)
- Keadaan perubatan atau fizikal lain dalam tempoh 30 hari pertama perlindungan, kecuali kecederaan akibat kemalangan

Ini bukanlah senarai yang lengkap. Sila baca *Ilustrasi Produk*, lampiran yang berkaitan, dan dokumen sijil anda dengan teliti atau imbas kod QR di atas untuk maklumat penuh mengenai apakah yang dilindungi dan apakah yang tidak dilindungi.

\*Kemudahan tanpa tunai hanya tersedia di hospital panel PruBSN, tertakluk kepada terma dan syarat. Sila rujuk senarai hospital panel yang berkenaan untuk pelan ini di laman web PruBSN untuk kemudahan tanpa tunai.

## Langkah 3 Bolehkah anda menanggung kenaikan sumbangan takaful dari masa ke masa?

Jadual Unjuran Sumbangan Takaful untuk Pelan Perubatan


| Umur | Sumbangan takaful tahunan semasa berdasarkan umur yang dicapai (RM) | Anggaran sumbangan takaful tahunan berdasarkan inflasi perubatan sebanyak |                  | Bagi jangka masa panjang, anda boleh mengurangkan sumbangan takaful yang perlu dibayar dengan memilih pelan perubatan yang mempunyai:<br>(a) Pilihan Bayaran Bersama yang lebih tinggi<br>(b) Pelan Bilik & Penginapan Hospital Harian yang lebih rendah dengan Had Tahunan yang lebih rendah |
|------|---|---|------------------|---|
|      |   | 7% <sup>2</sup> setahun (RM)  | 10% setahun (RM) |   |
| 30   | 2,064   |   |                  |   |
| 35   | 2,064   | 2,916   | 3,360            |   |
| 40   | 2,064   | 4,272   | 5,712            |   |
| 45   | 2,064   | 6,432   | 10,008           |   |
| 50   | 2,064   | 9,900   | 17,964           |   |

- Unjuran di atas adalah untuk **tujuan ilustrasi sahaja** dan tidak menggambarkan kekerapan sebenar semakan perubatan.
- Sumbangan takaful dipengaruhi oleh kedua-dua **peningkatan kos rawatan** dan **peningkatan penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan** (penggunaan perubatan) oleh peserta takaful. Ini boleh menyebabkan kadar inflasi perubatan sebenar menjadi lebih tinggi atau lebih rendah daripada ilustrasi di atas. Kami melaksanakan langkah-langkah pembendungan kos yang perlu dengan kerjasama pihak berkepentingan lain untuk menguruskan peningkatan caruman takaful dari semasa ke semasa.
- Sumbangan takaful sebenar yang anda perlu bayar bergantung kepada inflasi perubatan sebenar bagi pelan yang anda sertai. **Apabila kos perubatan dan penggunaan perubatan meningkat, sumbangan takaful semasa anda mungkin tidak mencukupi untuk menampung tuntutan pada masa hadapan.**
- Sebahagian besar sumbangan takaful digunakan untuk membayar tuntutan. Secara purata, bagi setiap RM1.00 sumbangan takaful yang anda bayar untuk pelan perubatan, RM0.72<sup>3</sup> diperuntukkan untuk membayar tuntutan. Manakala, baki bahagian sumbangan takaful adalah yuran komisen kepada ejen perkhidmatan anda, perbelanjaan pengurusan dan keuntungan pengendali takaful.

- Peruntukan sumbangan yang dinyatakan di atas adalah termasuk nilai tunai (jika berkenaan).

<sup>2</sup>Ini adalah peningkatan purata kos rawatan tahunan yang dibilkan oleh hospital kepada industri insurans dan takaful dari tahun 2020 hingga 2023. Ini tidak mengambil kira peningkatan masa hadapan dalam penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan.

<sup>3</sup>Ini berdasarkan data purata industri insurans dan takaful dari tahun 2021 hingga 2023. Pengalaman sebenar pelan perubatan anda mungkin berbeza daripada purata industri.



**Sekarang** :Sumbangan Takaful bagi pelan perubatan mencukupi untuk menampung Tuntutan dan Lain-lain

**Masa Hadapan**: Disebabkan oleh inflasi perubatan, Sumbangan Takaful bagi pelan perubatan mungkin tidak mencukupi untuk menampung Tuntutan dan Lain-lain

\*Lain-lain termasuk Komisen, Perbelanjaan Pengurusan dan Keuntungan

Nota: Carta ini tidak dilukis mengikut skala.

#### Langkah 4 Apakah lagi yang perlu anda ketahui?

- Anda mesti menjawab soalan yang kami sediakan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah semasa menjawab soalan boleh mengakibatkan tuntutan anda ditolak atau penamatan sijil anda.
- Jika anda memutuskan untuk tidak meneruskan dengan pelan ini dalam tempoh 15 hari kalendar selepas sijil dihantar kepada anda, anda boleh menghubungi kami untuk pembatalan sijil anda dan menerima bayaran balik sepenuhnya (setelah ditolak sebarang perbelanjaan pemeriksaan perubatan yang ditanggung).
- Perlindungan anda hanya akan bermula 120 hari selepas tarikh berkuat kuasa sijil bagi Penyakit Tertentu dan 30 hari selepas tarikh berkuat kuasa sijil untuk penyakit lain. Perlindungan bagi kecederaan akibat kemalangan bermula serta-merta. Bagi manfaat-manfaat lain yang tertakluk kepada tempoh menunggu yang berbeza, sila rujuk Lampiran: Manfaat Perubatan.
- Yuran *Wakalah*<sup>4</sup> yang perlu anda bayar adalah RM 5,986.00 atau 7.25% daripada jumlah sumbangan rider RM 82,560.00 yang termasuk:

|  |  |
|--|--|
| (i) komisen (dibayar selama 6 tahun)                   | RM 3,529.00 atau 4.27% daripada jumlah sumbangan rider |
| (ii) perbelanjaan pengurusan (dibayar selama 10 tahun) | RM 2,457.00 atau 2.98% daripada jumlah sumbangan rider |

Ini bukanlah senarai yang lengkap. Sila baca Ilustrasi Produk, lampiran yang berkaitan, dan dokumen sijil anda dengan teliti atau imbas kod QR di atas untuk butiran penuh mengenai terma dan syarat.

<sup>4</sup>Data ini adalah berdasarkan sumbangan takaful semasa untuk pelan perubatan mengikut umur yang dicapai.

#### Langkah 5 Adakah anda telah mempertimbangkan produk lain yang mungkin sesuai dengan keperluan anda?

Jadual Pilihan Produk

| Nama   | Produk yang Dicadangkan   | Pilihan Produk Alternatif <sup>5</sup>  |   |
|--|---|---|---|
|  | PruBSN AnugerahMax: MTC Pelan 200   | Pilihan 1<br>PruBSN AnugerahMax: MTC Pelan 200  | Pilihan 2<br>PruBSN Asas360 <sup>6</sup> : Health360 Pelan 200  |
| <b>Sumbangan Takaful Tahunan</b>                                   | RM 6,348.00<br><i>Ini adalah sumbangan takaful tahunan bagi PruBSN AnugerahMax dan MTC .</i>                                | RM 6,084.00<br><i>Sumbangan takaful tahunan lebih rendah sebanyak RM264.</i>  | RM 6,492.00<br><i>Sumbangan takaful tahunan lebih tinggi sebanyak RM144</i>   |
| <b>Jenis</b>   | Kemudahan tanpa tunai <sup>7</sup><br><i>'Kami bayar terus kepada hospital'</i>   | Kemudahan tanpa tunai <sup>7</sup><br><i>'Kami bayar terus kepada hospital'</i>   | Kemudahan tanpa tunai <sup>7</sup><br><i>'Kami bayar terus kepada hospital'</i>   |
| <b>Tempoh Perlindungan</b>   | Sehingga umur 70 <sup>8</sup><br><i>'Pembaharuan dijamin tetapi sumbangan takaful dan penolakan Tabarru' tidak dijamin'</i> | Sehingga umur 70 <sup>8</sup><br><i>'Pembaharuan dijamin tetapi sumbangan takaful dan penolakan Tabarru' tidak dijamin'</i> | Sehingga umur 70 <sup>8</sup><br><i>'Pembaharuan dijamin tetapi sumbangan takaful dan penolakan Tabarru' tidak dijamin'</i> |
| <b>Pilihan Bayaran Bersama</b>                                     | SmartSaver300   | SmartSaver1,000   | Deductible RM500  |
| <b>Bilik &amp; Penginapan Hospital Harian</b>                      | RM200 sehari  | RM200 sehari  | RM200 sehari  |
| <b>Rawatan Kemasukan ke Hospital &amp; Perbelanjaan Pembedahan</b> | Seperti yang dicaj  | Seperti yang dicaj  | Seperti yang dicaj  |
| <b>Had Tahunan</b>   | RM200,000   | RM200,000   | Tiada Had <sup>9</sup>  |
| <b>Had Seumur Hidup</b>  | Tiada Had   | Tiada Had   | Tiada Had <sup>9</sup>  |

<sup>5</sup> Untuk memudahkan perbandingan, kami telah menggunakan andaian tertentu dan mensimulasikan pilihan yang relevan. Andaian dan pilihan yang digunakan adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada, variasi dalam tempoh perlindungan, jumlah perlindungan asas, kelas pekerjaan, dan status merokok. Anggaran sebut harga ini tidak boleh dianggap sebagai muktamad. Sila hubungi ejen perkhidmatan anda untuk sebut harga baharu jika anda berminat.

<sup>6</sup> Sila ambil perhatian bahawa ciri-ciri dan manfaat tertentu di dalam PruBSN AnugerahMax tidak ditawarkan di dalam PruBSN Asas360. Anggaran sumbangan yang ditunjukkan bagi PruBSN Asas360 adalah berdasarkan peruntukan pelaburan 100% ke dalam dana ekuiti, kaedah bayaran berulang dan andaian lain. Sebut harga anggaran ini mungkin tidak boleh dibandingkan secara langsung dengan produk yang dicadangkan. Anda juga boleh melayari laman web PruBSN untuk

maklumat lanjut mengenai Health360 dan PruBSN Asas360.

<sup>7</sup> Kemudahan tanpa tunai hanya tersedia di hospital panel PruBSN, tertakluk kepada terma dan syarat. Sila rujuk laman web PruBSN untuk senarai hospital panel yang berkenaan bagi setiap pelan.

<sup>8</sup> Tertakluk kepada Lanjutan Tempoh Sijil, jika berkenaan.

<sup>9</sup> Health360 tidak mempunyai Had Tahunan dan Had Seumur Hidup. Perbelanjaan yang layak akan dibayar sepenuhnya sehingga had manfaat (tertakluk kepada Pilihan Bayaran Bersama yang dipilih, jika berkenaan) sehingga Smart Value Point (SVP) dan sebarang SVP Bonus yang terkumpul. Jika jumlah perbelanjaan yang layak yang dibayar kepada anda sepanjang tahun rider telah melebihi nilai SVP awal dan sebarang nilai SVP Bonus yang terkumpul, kami hanya akan membayar 80% daripada lebihan perbelanjaan yang layak dan anda perlu membayar baki 20%. SVP meningkat sebanyak 2% daripada SVP awal pada akhir setiap 2 tahun sijil iaitu SVP Bonus, tertakluk kepada terma dan syarat.

• **Pilihan Bayaran Bersama:**

- **SmartSaver:** Suatu amaun tetap yang anda perlu bayar terlebih dahulu yang bersamaan dengan amaun SmartSaver yang dipilih daripada jumlah perbelanjaan yang layak **bagi sebarang satu hilang upaya**. Sebagai contoh, SmartSaver1000 bermaksud anda perlu membayar RM1,000 daripada wang anda sendiri, bagi sebarang satu hilang upaya, dan kami akan membayar baki perbelanjaan yang layak (tertakluk had manfaat).
- **Deduktibel Tinggi / Deduktibel:** Suatu amaun tetap yang anda perlu bayar terlebih dahulu yang bersamaan dengan amaun Deduktibel Tinggi / Deduktibel yang dipilih daripada jumlah perbelanjaan yang layak yang terkumpul **dalam sesuatu tahun rider**. Sebagai contoh, Deduktibel RM500 bermaksud anda perlu membayar RM500 daripada wang anda sendiri, dalam sesuatu tahun rider, dan kami akan membayar baki perbelanjaan yang layak (tertakluk had manfaat).
- **Had Tahunan:** Amaun maksimum yang boleh anda tuntutan dalam tahun rider.
- **Had Seumur Hidup:** Amaun maksimum yang boleh anda tuntutan seumur hidup anda.

Jadual ini tidak mengandungi semua ciri produk yang dibandingkan. Sila berhubung dengan kami / ejen perkhidmatan anda untuk maklumat lanjut mengenai perbezaan ciri-ciri produk ini. Sila baca Ilustrasi Produk, lampiran yang berkaitan dan dokumen sijil anda dengan teliti untuk mendapatkan butiran penuh tentang manfaat produk dan ciri produk yang disyorkan.

Nota: Sila lawati [https://www.prubsn.com.my/export/sites/prudential-pbtf/ms/\\_galleries/pdf/quick-guide-hospital-admission-discharge-2020-generic.pdf](https://www.prubsn.com.my/export/sites/prudential-pbtf/ms/_galleries/pdf/quick-guide-hospital-admission-discharge-2020-generic.pdf) mengenai terma dan syarat yang terpakai untuk "kemudahan tanpa tunai" yang dinyatakan dalam lampiran keterangan produk ini. Yakinlah bahawa tiada data peribadi akan dikumpul daripada anda apabila anda mengklik pada pautan ini.

## Pengakuan Pelanggan\*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan sedar tentang apa yang anda tandatangani:

- Saya mengakui bahawa PruBSN telah memberikan saya salinan PDS ini.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam PDS ini.

\*Pengakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian mengenai terma dan syarat produk.

Nama :

Tarikh :

13/02/2026